

24/09/1998

Rakyat perlu faham alasan pemecatan

KUALA LUMPUR, Rabu - Bukti kukuh yang dikemukakan polis serta penjelasan terperinci Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sudah memadai untuk menyingkirkan Datuk Seri Anwar Ibrahim daripada Umno.

Ahli Majlis Tertinggi (MT) Umno, Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir, berkata keputusan itu juga diambil selepas mendapat persetujuan sebulat suara oleh ahli MT bagi menjaga imej dan nama baik parti.

"Keengganan Anwar mengundur diri bagi menyelesaikan masalah peribadinya tidak disenangi oleh ahli MT, malah rayuan yang dikemukakan kepadanya tidak diendahkan langsung.

"Walaupun jaminan diberi kepadanya untuk dibenarkan kembali menyertai Umno apabila perbicaraan di mahkamah selesai, beliau masih berdegil tidak mahu melepaskan jawatan Timbalan Presiden Umno.

"Oleh itu, MT terdesak untuk memecatnya kerana perbicaraan mahkamah bukan lagi terhadap Anwar sahaja, sebaliknya turut membabitkan kewibawaan pucuk pimpinan serta Umno keseluruhannya.

"Rakyat, terutama ahli Umno, wajar memahami alasan sebenar di sebalik isu pemecatan serta penahanan Anwar mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) dan jangan terburu-buru melemparkan tohmahan," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Sehubungan itu, Abdul Kadir menggesa semua pihak, khususnya penyokong Anwar, bersabar menanti keputusan mahkamah dan jangan bertindak keterlaluan atas alasan mencari keadilan untuk Anwar.

Keputusan menahan Anwar serta penyokongnya hanya dibuat bagi menjamin supaya keselamatan orang ramai tidak terganggu, lebih-lebih lagi ketika ibu negara dibanjiri pelancong sempena Kuala Lumpur 98-Sukan Komanwel XVI (KL '98).

Orang awam pula dinasihati supaya jangan terlalu gusar mengenai beberapa perbalahan kecil yang tercetus di ibu negara kerana pihak polis mampu menjaga keamanan dan mengawal keadaan.

(END)